



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/02/15 (HQ)

### TNB JMFR KEMBALI MERIAHKAN MANJUNG

Acara berbasikal santai anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB), Janamanjung Fellowship Ride (JMFR) bakal kembali menggegarkan daerah Manjung, Perak dengan edisi ke-13 yang akan diadakan pada 29 Mac 2020.

Edisi kali ini bersempena sambutan ulang tahun ke-70 TNB/LLN, bakal menyaksikan 1,500 peserta berkayuh sepanjang 100 kilometer, bermula dan berakhir di Teluk Batik. Ulang tahun TNB/LLN disambut setiap 1 September.

Majlis prapelancaran disempurnakan Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie di Ibu Pejabat TNB Bangsar, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Yayasan Institut Jantung Negara (IJNF), Toh Puan Dato' Seri Dr. Aishah Ong; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan IJN Holdings Sdn Bhd, Datuk Seri Dr Mohd Azhari Yakub; Ketua Pegawai Operasi IJN Holdings Sdn Bhd, Akmal Arief Mohamed Fauzi; dan Pengurusan Tertinggi TNB yang terdiri daripada Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman; Ketua Pegawai Penjanaan TNB, Ir. Roslan Abd Rahman; dan Ketua Pegawai Retail TNB, Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan.

Komitmen berterusan TNB dalam penganjuran JMFR bertujuan membantu usaha kerajaan negeri Perak mempromosikan Manjung sebagai destinasi pelancongan dengan penyertaan peserta dari dalam dan luar negara, kata Datuk Wira Roslan.

“TNB berbangga untuk mempromosikan aktiviti berbasikal sebagai gaya hidup sihat, sesuai dengan tema *Cycling for Positive Energy*,” katanya.

Penganjuran JMFR tahun ini turut menyaksikan kerjasama strategik TNB dengan Yayasan Institut Jantung Negara (IJNF).

“Setiap RM 10 daripada yuran penyertaan akan disumbangkan ke tabung IJNF dan TNB akan menyumbang jumlah yang sama. Kerjasama dengan IJNF ini adalah kesinambungan kepada usahasama Better Brighter Dormitory IJN Foundation – TNB yang dilaksanakan pada 2017,” tambah Roslan.

S.A. 2020/02/15 (HQ)

Pada majlis prapelancaran itu, Moggie bersama-sama pengurusan TNB yang lain telah melakukan pelepasan simbolik kira-kira 100 peserta di pekarangan Ibu Pejabat TNB Bangsar. Selain itu, majlis turut memperkenalkan laluan dan jersi yang bakal diterima peserta JMFR 2020.

TNB JMFR mula diperkenalkan pada 2008 dan mula menjadi sebahagian daripada acara tahunan negeri Perak sejak 2015.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 7 Januari 2020, jam 9.00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /  
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524  
atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*